



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL. 5 / 2020

### **PENGUNDI DIINGATKAN BAWA VOTER'S CARD ATAU SEMAK AWAL MAKLUMAT PENGUNDIAN**

1. Para pengundi di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.176 Kimanis yang tidak menerima kad pengundi (voter's card), boleh membuat semakan maklumat pengundian mereka lebih awal sebelum hari pengundian. Semakan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:


- a) Portal semakan pemilih iaitu **<https://pengundi.spr.gov.my>**; atau
- b) Hotline SPR di talian **03-88927018**; atau
- c) Aplikasi **MySPR Semak**; atau
- d) **SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO.KAD  
PENGENALAN)**

2. Bagi pengundi yang telah menerima kad pengundi (voter's card) atau telah mengetahui maklumat pengundian, mereka tidak lagi perlu membuat semakan di barung semakan SPR sebaliknya boleh terus ke saluran mengundi. Manakala bagi pengundi yang baru membuat semakan, mereka disaran untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:

- a) pusat mengundi
- b) saluran mengundi
- c) nombor bilangan pemilih

3. Para pengundi juga diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan kad pengundi (voter's card) atau catatan maklumat pengundian serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. Kad pengundi (voter's card) atau catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi.

Sekian, terima kasih.



**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 12 Januari 2020 / 16 Jamadilawal 1441H